

Karnival Tani SPL

Sandakan 8-10 Nov ini

NET S. 11.13 5

KOTA KINABALU: Sekolah Pertanian Lestari (SPL), Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan menganjurkan Karnival Tani SPL Sandakan (KARTSS) pada 8-10 November di Perkarangan SPL, UMS, Batu 10, Sg. Batang, Sandakan dengan kerjasama Majlis Perbandaran Sandakan (MPS) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Karnival ini merupakan acara yang julung kali diadakan dengan slogan "Melestarikan Budaya Keusahawanan Tani". Antara aktiviti yang bakal diadakan ialah pameran pendidikan, pameran penyelesihan pertanian, pameran hasil tanaman dan ternakan daripada agensi kerajaan dan swasta.

Antara agensi kerajaan yang turut serta adalah Universiti Putera Malaysia (UPM), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Majlis Perbandaran Sandakan, Mardi, Fama, Jabatan Pertanian Sabah, Jabatan Haiwan dan Perusahaan Ternak Sabah, Lembaga Lada Malaysia, Politeknik Sandakan, Mara dan banyak lagi.

Karnival ini akan dirasmikan oleh Ketua Menteri Sabah, Dato' Seri Musa Haji Aman pada 9 November ini. Penduduk di sekitar Sandakan dijemput hadir untuk memeriahkan lagi karnival berkenaan yang dibuka dari jam 9.00 pagi-10.00 malam.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web karnival tani www.ums.edu.my/sandakan/kartss atau boleh menghubungi pejabat pengajur di talian 089-248100.